

# Ahli Umno diseru terus amal prinsip demokrasi serta bersikap jujur

KUALA LUMPUR, Isnin — Ahli UMNO hari ini diseru mengamalkan prinsip demokrasi dan bersikap jujur serta ikhlas sewaktu memilih pemimpin parti dalam mesyuarat perwakilan bahagian-bahagian UMNO bagi tahun depan.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mustapha Jabbar yakin jika pemilihan dijalankan berdasarkan kepada fak-

tor-faktor tersebut, soal jatuh-menjatuh pemimpin tidak akan timbul.

"Jika perjalanan mesyuarat tidak berjalan dengan begitu sempurna dan pemilihan tidak dibuat dengan jujur dan ikhlas, termasuk adanya pengaruh luar yang boleh merosakkan nama baik seseorang calon pemimpin, sudah tentu ini boleh ditakrifkan sebagai proses jatuh-menjatuh pemimpin," tegas beliau dalam satu temu ramah di pejabatnya di sini.

Beliau mengulas laporan oleh akhbar-akhbar kononnya ada perbuatan beli-membeli undi dan juga percubaan menumbangkan pemimpin-pemimpin UMNO yang lama untuk digantikan dengan calon-calon muda dalam mesyuarat perwakilan bahagian-bahagian UMNO akan datang.

Puan Marina Yusof, seorang ahli Majlis Tertinggi parti yang mendedahkan perbuatan tersebut berkata orang-orang tertentu membuat dakwaan kononnya pemimpin lama yang hendak dijatuhkan itu tidak berkesan dalam percubaan menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan ahli-ahli UMNO.

Datuk Mustapha menegaskan, UMNO adalah sebuah pertubuhan politik yang mempunyai peraturan dan perlembagaan berlandaskan kepada prinsip-prinsip demokrasi bagi mengelak kejadian seumpama itu berlaku.

"Soal beli-membeli undi atau percubaan jatuh-menjatuh tidak timbul kerana jika sesuatu bahagian itu masih menaruh kepercayaan kepada pemimpinnya, mereka tetap akan memilihnya walaupun berbagai-bagai dakwaan dibuat."

Katanya, sejak dulu lagi, parti mengamalkan proses pengawasan mesyuarat-mesyuarat perwakilan.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia